

**GARIS PANDUAN PERMOHONAN TAMBAH CAWANGAN AGENSI PERSENDIRIAN / SYARIKAT KAWALAN KESELAMATAN DI BAWAH AKTA EJENSI PERSENDIRIAN 1971**

**1. SYARAT-SYARAT PERMOHONAN**

- 1.1 **Lesen syarikat kawalan keselamatan mestilah sah** sewaktu mengemukakan permohonan tambah cawangan.
- 1.2 Telah **beroperasi dengan aktif** melebihi 1 tahun.
- 1.3 Mempunyai **perolehan tahunan** yang memberangsangkan dengan mengemukakan penyata kewangan beraudit yang terkini.
- 1.4 Pejabat cawangan hendaklah **lulus tapisan keselamatan** daripada PDRM.
- 1.5 Borang permohonan **mestilah** ditandatangani oleh Pengarah atau Pemegang Saham atau Setiausaha syarikat dan di cop syarikat.

**2. DOKUMEN YANG DIPERLUKAN**

- 2.1 **Borang Tambah Cawangan** sebanyak **2 salinan** bagi setiap permohonan cawangan.
- 2.2 Laporan Audit terkini syarikat.
- 2.3 Kertas perancangan dan objektif penambahan cawangan.
- 2.4 Terma-terma perlantikan pengurus cawangan (dari segi pembayaran gaji, pengambilan pekerja dan lain-lain).
- 2.5 Biodata pengurus cawangan.
- 2.6 Salinan sijil tapisan keselamatan pengurus cawangan.
- 2.7 Salinan Kad Pengenalan pengurus cawangan.
- 2.8 Perjanjian sewa-beli pejabat.

## LAMPIRAN A

### KKDN.S.205/208/2 klt 4

3. Kemukakan ke Bahagian Keselamatan dan Ketenteraman Awam, Kementerian Dalam Negeri.
4. **Piagam Pelanggan : Satu (1) bulan** dari tarikh permohonan lengkap.
5. Sekiranya permohonan diluluskan, Kementerian akan mengeluarkan **surat kelulusan sementara** bagi tempoh **2 bulan** untuk menyediakan premis operasi.
6. Sijil lesen perniagaan cawangan hanya akan dikeluarkan setelah pemeriksaan premis operasi syarikat **diluluskan** (pemeriksaan dalam tempoh 2 bulan selepas surat kelulusan sementara dikeluarkan).
7. Sekiranya permohonan ditolak, kemukakan **rayuan dalam tempoh 14 hari** dari tarikh surat keputusan dikeluarkan.